

PENAMBAHBAIKAN PdP & PEMBANGUNAN PROFESIONAL



PENAMBAHBAIKAN PENGAJARAN MELALUI AMALAN REFLEKTIF

ANALISIS REFLEKSI TUGASAN

**QSW 21203 AL-TAFSIR AL-MAUDHU`I
SEM. II SESI 2023/2024**

Pendahuluan

- Tugasan Latihan Dalam Kumpulan adalah untuk mencapai CLO 3, iaitu “membentangkan contoh jenis-jenis tafsir maudhu’iy melalui tugas yang diberikan secara berkumpulan”.
- Kemahiran boleh pindah yang ingin dicapai daripada CLO ini adalah kepimpinan, autonomi dan kebertanggungjawaban.
- Oleh itu, Latihan Dalam Kumpulan adalah sesuai untuk menggarap kemahiran ini. Adalah agak sukar untuk membina modul dan memilih aktiviti yang sesuai untuk melaksanakan modul, kerana kursus ini adalah berkaitan dengan matapelajaran Tafsir yang lazimnya diajar secara tradisi dalam kelas.
- Tetapi saya sebagai pensyarah kursus cuba untuk membawa suasana pembelajaran yang berbeza dengan kaedah biasa yang digunakan. Melalui penyediaan arahan tugas yang jelas, taklimat tugas dan pra pembentangan yang dilakukan sebelum setiap Kumpulan melaksanakan modul masing-masing, menjadikan aktiviti yang dilaksanakan berjalan lancar dan setiap pelajar kelihatan seronok bekerjasama antara satu sama lain, sama ada sebagai fasilitator atau peserta.

- Hal ini ditambah dengan sebahagian kumpulan mengambil inisiatif memberikan hadiah kepada peserta yang dapat menjawab soalan dengan tepat dan peserta terbaik. Walaupun nilai hadiah yang disediakan adalah kecil, tetapi ia cukup berkesan untuk memupuk sifat positif dalam diri, iaitu menghargai setiap pencapaian yang dilakukan oleh rakan sebaya dalam aktiviti permainan Latihan Dalam Kumpulan. Perkara ini diseimbangkan pula dengan wujudnya denda bagi peserta yang tidak dapat menjawab dengan tepat.
- Saya melihat elemen ganjaran dan hukuman ini adalah sebanding dengan elemen didik hibur yang menjadikan sesi pembelajaran berlangsung secara santai tetapi mencapai tujuannya.

Analisis Refleksi Pelajar Terhadap Tugasan LDK

- Seramai 59 daripada 67 (88%) pelajar Diploma al-Quran dan al-Sunnah telah menjawab soal selidik yang diedarkan secara google form.
- Hasil analisis daripada 8 soalan yang dikemukakan menunjukkan bahawa pelajar bersetuju bahawa tugas ini memberi manfaat kepada mereka dan menimbulkan keseronokan belajar.

shariyahns@unisza.edu.my



sharifahns@unisza.edu.my

- Angka peratusan yang tinggi untuk setiap daripada 5 item ini menunjukkan bahawa hasil pembelajaran kursus tercapai dan kemahiran boleh pindah yang diharapkan berjaya digarap.
- Perkara ini diperkuuhkan dengan jawapan 3 soalan terbuka yang diberikan sebagai semak silang kepada 5 soalan skala 7. Daripada jawapan yang dinyatakan, dapat dirumuskan bahawa majoriti pelajar bersetuju mereka sangat selesa belajar dalam Kumpulan seperti ini, serta mendapat Kerjasama yang sangat baik antara ahli Kumpulan. Suasana pembelajaran juga menjadi lebih seronok kerana mereka dapat bergerak dengan bebas dan bermain sambil belajar sesama rakan(*peer learning*).
- Walaubagaimana pun, terdapat juga pandangan yang perlu diberi perhatian, iaitu yang menyatakan perlu memilih aktiviti yang lebih menarik dan tidak membosankan. Berdasarkan pemerhatian turut serta pensyarah kursus, terdapat beberapa kumpulan yang melakukan satu aktiviti yang sama sahaja dan mengambil masa yang lama untuk ditamatkan.
- Oleh itu, untuk penambahbaikan berterusan, aktiviti seumpama ini perlu dipelbagaikan dan tidak statik kepada satu aktiviti sahaja pada semester akan datang untuk mengelakkan kebosanan dan manfaat yang minimum kepada pelajar terbabit.

Penutup

- Secara keseluruhannya, tugasan Latihan Dalam Kumpulan ini berjaya mencapai Hasil Pembelajaran Kursus (CLO3).
- Kemahiran boleh pindah (kepimpinan, autonomi, dan kebertanggungjawaban) dapat dicapai melalui aktiviti permainan yang dilaksanakan.
- Pelaksanaannya pada masa akan datang masih perlu kepada penambahbaikan yang berterusan.

sharifahns@unisza.edu.my

REFLEKSI PELAJAR TERHADAP TUGASAN

KURSUS QSI 45002 - IJAZ AL QURAN - TUGASAN WACANA I'JAZ ILMI DI FACEBOOK

Sila klik **LINK** di bawah untuk forum di facebook :

FORUM WACANA IJAZ ILMI (FACEBOOK LIVE)

sharifahns@unisza.edu.my

CONTOH REFLEKSI TUGASAN WACANA IJAZ ILMI DI LIVE FACEBOOK



NILAI-NILAI MURNI

Antara nilai-nilai murni yang kami dapat daripada forum ini ialah:

- Forum ini merupakan pengalaman kami yang pertama yang mana kami dapat memaksa diri kami untuk tampil di khalayak ramai dengan lebih berani dan melatih diri untuk lebih petah bercakap di depan orang awam.
- Kami dapat melatih diri untuk berani bercakap dan berhadapan dengan masyarakat agar dapat berinteraksi dengan lebih efektif.
- Kami dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang keajaiban alam yang diterangkan didalam al-Quran.
- Kami dapat merungkai kemukjizatan al-Quran yang menceritakan tentang alam.
- Kami dapat meningkatkan semangat dan keyakinan diri ketika berhadapan di khayalak ramai.
- Kami dapat mengeratkan hubungan antara mahasiswa dengan masyarakat.
- Kami dapat mengajar diri untuk lebih matang menyelesaikan masalah (ketika sesi soal jawab).
- Kami dapat membantu untuk berfikir dengan lebih pantas dan berhemah.

sharifahns@unisza.edu.my

HEBAHAN FORUM (POSTER)

HEBAHAN POSTER



NILAI-NILAI MURNI HASIL DARIPADA TUGASAN

1. Melalui tugasan I'jaz Ilmi ini, kami dapat mempelajari dan mendalami bahawasanya kemukjizatan ayat-ayat al-Quran sangat berkait rapat dalam kehidupan. Hal ini kerana terdapat banyak kajian-kajian saintifik pada masa kini yang telah membuktikan ayat-ayat al-Quran ini benar dan menyuluruh dalam setiap aspek kehidupan manusia.
2. Seterusnya, melalui tugasan Wacana I'jaz Ilmi Bersama Komuniti (Maya) di bawah topik sembelihan ini, kami dapat mengulangkaji dan mempelajari ilmu yang baru berkaitan pensyiaran sembelihan dalam Islam serta dapat merungkakkan bahawa pensyiaran sembelihan ini mempunyai hikmah yang besar bagi kehidupan manusia dan haiwan.
3. Selain itu, kami juga dapat mempelajari kaedah terbaik membuat pelan tindakan yang teratur dan kemas sebelum bersiaran langsung di Facebook agar tidak berlaku kesilapan besar. Antaranya menyiapkan skrip dan isi-isi penting untuk bercakap, membuat jadual latihan di streamyard, membahagikan tugas-tugas mengikut kepakaran setiap ahli dan sentiasa membetulkan setiap kelemahan yang berlaku ketika latihan supaya dapat dilakukan ketika bersiaran langsung.
4. Tambahan pula, melalui tugasan ini juga, kami dapat pengalaman cara untuk mengawal emosi takut ketika bersiaran langsung agar forum ini berjalan dengan baik sekali gus pengalaman ini memberikan keyakinan pada diri bahawa kami boleh melakukan apa sahaja tugas dengan syarat perlu ada pelan tindakan yang teratur dan baik.
5. Di samping itu, kami juga belajar cara dan format berforum yang semestinya berbeza dengan cara percakapan biasa malupun ceramah. Susunan ayat dan gaya penyampaian semasa berforum agar tidak menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.



NILAI MURNI:

Antara faedah yang kami perolehi setelah selesai forum i'jaz ilmi ini.

- ❖ Melatih kemahiran berkomunikasi di hadapan penonton melalui alam maya (Facebook)
- ❖ Melatih keyakinan diri untuk menjelaskan satu-satu topik
- ❖ Membentuk kpribadian yang baik dan adab sebagai seorang panel atau moderator
- ❖ Persiapan yang rapi untuk penyediaan dalam segi ilmu dan kupasan
- ❖ Menjaga tatasusila ketika dalam forum

sharifahns@unisza.edu.my

ANALISIS TUGASAN KURSUS WACANA I'JAZ `ILMI

Tugasan ini memerlukan pelajar mencari maklumat berkaitan ijaz ilmi mengikut topik yang dipilih dan menyediakan semua gerak kerja untuk menyampaikannya kepada massa melalui platform Facebook Page yang dibina. Gerak kerja ini termasuklah menyediakan skrip forum, poster hebahan, belajar bagaimana mengendalikan forum secara langsung di facebook dan belajar berkomunikasi sesama panel dan penonton yang bertanya. Tugasan ini berkonsepkan 2 dalam 1, , iaitu aspek teori dan amali berbantukan medium teknologi masa kini. Mereka dapat menggarap kemahiran insaniah pembelajaran sepanjang hayat daripada tugasan ini. Refleksi daripada pelajar juga menampakkan mereka telah belajar sesuatu yang baharu dan membina atribut yang belum mereka miliki sebelum ini.

PEMBANGUNAN PROFESIONAL DALAM PENGAJARAN/PENYELIAAN DAN PENILAIAN

PENYERTAAN TERKINI KURSUS & BENGKEL



PENYERTAAN TERKINI KURSUS & BENGKEL



PENYERTAAN TERKINI KURSUS & BENGKEL

